

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 28.5.2015

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sekolah berpusat (centralized) khas bagi murid tingkatan enam sahaja di kawasan Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Simanggang di kawasan Parlimen Sri Aman telah diiktiraf sebagai Pusat Tingkatan Enam Mod 2 mulai Januari 2015. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak telah membuat permohonan bagi mendapat bangunan blok akademik 12 bilik darjah dan 2 blok asrama bagi memenuhi keperluan Pusat Tingkatan Enam Mod 2 di sekolah tersebut. Pihak JPN Sarawak juga merancang untuk memusatkan murid daripada SMK Sri Aman ke SMK Simanggang pada tahun 2016 sekiranya mendapat persetujuan ibu bapa dan murid-murid semasa sesi libat urus (*engagement*) yang akan diadakan kelak.